

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 10 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan :

- (a) sama ada tapak pelupusan sisa radioaktif (PDF) Asian Rare Earth di Banjaran Kledang telah retak; dan
- (b) wang rakyat digunakan untuk membayar kos pemantauan dan penyelenggaraan. Nyatakan jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini dan berapa tahun lagi PDF ini akan dipantau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) dan Kerajaan Negeri Perak menjalankan pemantauan berkala ke atas tapak ini. Kemudahan pelupusan sisa radioaktif Asian Rare Earth di Bukit Kledang ini masih pada tahap yang ditetapkan (e.g. tidak retak dan stabil). Ianya masih kukuh dan selamat serta disenggara dengan baik oleh pemiliknya serta aktiviti pemantauan radiologi dan pensampelan alam sekitar dilakukan secara berkala dan sampel dianalisis oleh institusi yang diiktiraf.

PDF diletakkan di bawah "Institutional Control" selama 300 tahun. Segala kos pemantauan dan penyelenggaraan adalah dibayar oleh Asian Rare Earth melalui perjanjian dengan Kerajaan Negeri Perak.

Runtuhan cerun yang berlaku tahun lepas terletak jauh dari tapak ini (400 meter). Adalah dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Kinta, Perak, melalui kontraktor yang dilantik telah selesai menjalankan kerja-kerja fizikal penyiasatan tanah bagi tujuan pemberbaikan cerun pada 23 Jun 2020. Pihak JKR akan menyediakan laporan lengkap beserta dengan lain-lain keperluan yang diperlukan sebaik sahaja menerima laporan teknikal dan analisa makmal dari kontraktor yang menjalankan kerja-kerja tersebut. Bagi tujuan pemberbaikan cerun, pihak MB Inc. Perak akan berurusan secara terus dengan Kerajaan Negeri dan juga JKR Perak.

Sekian, terima kasih.